

Awas, 10 Bahasa Dosa!



Yang kurik itu kundi,
Yang merah itu saga;
Yang cantik itu budi,
Yang indah itu bahasa.

Pantun lama tersebut menunjukkan betapa pentingnya menuturkan bahasa yang baik-baik dalam kehidupan harian, tanpa mengira sesiapa pun yang dilawan bercakap, termasuklah anak-anak. Hal ini dikatakan demikian kerana bahasa yang baik melambangkan ketinggian peribadi sesuatu bangsa. Malangnya, falsafah dalam pantun lama tersebut kini semakin terhakis oleh cara hidup moden yang tidak lagi menitikberatkan kesantunan berbahasa. Kesibukan kerja dan pelbagai masalah lain dilihat antara punca yang menyebabkan kualiti komunikasi antara ibu bapa dengan anak pada masa ini tampak semakin menurun.

Sebagai akibatnya, lahirlah "bahasa dosa" dalam kalangan ibu bapa yang dituturkan kepada anak tanpa disedari, sehingga menimbulkan pelbagai masalah yang lebih serius dalam pembinaan karakter anak. Bahasa tersebut menjadikan mereka degil, tidak mahu mendengar cakap, pemaarah, pendendam, lemah jiwa dan tiada keyakinan diri. Dalam jangka panjang, hal ini menyebabkan mereka biadab terhadap ibu bapa, guru dan masyarakat sehingga sanggup membunuh termasuk diri sendiri.

Baru-baru ini tular di media sosial tentang 10 bahasa dosa yang sering dituturkan oleh ibu bapa hingga menjejaskan pertumbuhan mental dan emosi kanak-kanak. Perkara ini diakui oleh pakar psikologi klinikal Dr. Azlina Roszy Mohamad Ghaffar yang mengaitkan kesilapan dalam tatacara pendidikan anak, terutamanya dalam aspek komunikasi sebagai punca terjejasnya pertumbuhan mental dan emosi anak. Bahasa dosa tersebut termasuklah bahasa melaknat, bahasa menyindir, bahasa berdusta atau menipu, bahasa menempelak, bahasa mengkritik, bahasa membebel, bahasa mengungkit, bahasa membandingkan, bahasa mengugut, bahasa menuduh dan bahasa bisu.


Ustaz Sharhan Shafie dalam entriunya menerusi laman media sosial menyatakan bahasa melaknat termasuklah sumpah seranah, maki hamun, atau carutan dengan perkataan yang buruk. Anak yang sering disumpah seranah, dimaki hamun, dan dicerca dengan bahasa carut atas apa-apa alasan sekalipun akan menjadi orang yang keras jiwanya. Ajaran Islam melarang keras penggunaan bahasa melaknat ini terhadap anak kerana kata ibu bapa terhadap anak berupa doa. Jika ingin akan anak yang baik, ibu bapa haruslah berkata-kata dengan bahasa yang baik-baik.

Bahasa menyindir seperti, "Kamu ini asyik minta duit sahaja. Kamu ingat ayah dan ibu kerja cap duit?" amat merobek hati anak. Bahasa sebegini menyebabkan anak berasa rendah diri, cenderung menjadi pasif, dan tidak berkeyakinan atau dengan perkataan lain, membunuh jiwa mereka. Sebaik-baiknya dalam situasi ini, ibu bapa perlu mengawal emosi dan menjelaskan kepada anak tentang masalah kewangan yang dihadapi tanpa perlu menyindir.

Seterusnya yang ketiga, bahasa berdusta atau menipu. Perkara ini kerap kali dilakukan oleh ibu bapa terhadap anak, walaupun masih kecil. Bahasa menipu ini sering digunakan untuk memujuk atau menakutkan anak dalam situasi tertentu. Sebagai contohnya, apabila ibu atau ayah berkata, "Jangan menangis, nanti ibu belikan kamu aiskrim" sekadar untuk memujuk anak supaya diam, tetapi janji tersebut tidak ditunaikan. Dalam situasi lain, ibu bapa mungkin menakut-nakutkan anak yang nakal dengan kata seperti ini, "Jangan menangis, nanti polis akan menangkap kamu," atau "Jangan menangis, nanti hantu datang". Bahasa menipu seperti ini, menurut Ustaz Sharhan boleh menghilangkan kepercayaan anak terhadap ibu bapa.

Yang keempat, bahasa menempelak seperti, "Padan muka" ataupun "Itulah akibatnya jika tidak mendengar kata ibu. Bukankah sudah luka? Lain kali buatlah lagi!" Bahasa menempelak sebegini jika ditujukan kepada anak yang masih kecil tidak meninggalkan apa-apa kesan, sebaliknya mendidik anak untuk berbahasa yang tidak sopan. Sekali lagi, ibu bapa perlu menerangkan kesilapan anak dengan cara yang baik dan meminta mereka tidak mengulangi kesilapan tersebut semula tanpa perlu menempelak.

“ Bahasa dosa tersebut termasuklah bahasa melaknat, bahasa menyindir, bahasa berdusta atau menipu, bahasa menempelak, bahasa mengkritik, bahasa membebel, bahasa mengungkit, bahasa membandingkan, bahasa mengugut, bahasa menuduh dan bahasa bisu. ”



Bahasa dosa yang dituturkan oleh ibu bapa boleh membantutkan perkembangan mental dan jiwa anak.

Yang kelima, bahasa mengkritik atau memebel. Perkara ini sering kali dilakukan oleh ibu bapa dan tanpa disedari membawa kesan yang buruk kepada anak. Pada hakikatnya, anak yang sering dikritik dan dibebalkan hilang keyakinan diri, hilang hormat kepada orang tua dan berkemungkinan akan protes dalam diam hingga menyebabkan depresi. Depresi atau tekanan perasaan boleh menyebabkan mereka mengambil keputusan untuk keluar atau lari dari rumah, atau lebih malang mengambil keputusan untuk membunuh diri.

Yang keenam, ialah bahasa mengungkit. Sebagai contohnya, ibu bapa mengungkit kebbaikannya kerana kecewa akan anaknya disebabkan oleh situasi tertentu, seperti anak gagal dalam peperiksaan, "Mengapa keputusan peperiksaan kamu teruk sangat? Sia-sia sahaja ibu dan ayah hantar ke kelas tambahan dan beli bermacam-macam buku latihan. Kamu masih tidak pandai-pandai juga". Dalam situasi ini ibu bapa harus berlapang dada dan menunjukkan keikhlasan untuk

mendidik anak. Kegagalan anak dalam bidang akademik bukanlah bermakna gelap seluruh masa hadapannya. Masih ada banyak kemahiran yang boleh digilap. Yang penting, ibu bapa terus memberikan galakan dan sokongan kepada anak untuk berusaha demi masa hadapan.

Yang ketujuh, bahasa membandingkan. Bahasa begini sangat melemahkan jiwa anak. Apabila membandingkan seorang anak dengan anak yang lain seperti, "Mengapalah kamu ini tidak pandai seperti abang dan kakak kamu? Abang dan kakak jauh lebih baik daripada kamu dalam pelajaran. Cubalah contohi mereka". Anak yang dibandingkan tersebut akan berasa rendah diri, terluka dan berkecil hati. Situasi ini akan mewujudkan perasaan rendah diri, hilang keyakinan, dan merenggangkan hubungan antara adik beradik dalam jangka masa panjang. Dalam hal ini, ibu perlu menyedari bahawa tahap pencapaian dan kebolehan setiap anak adalah berbeza-beza.



Ada antara ibu bapa yang mengambil sikap untuk mendiamkan diri sebagai tanda protes atau marah akan anak. Walaupun tiada kata yang berunsur menempelak, menyindir dan sebagainya, sikap begini tidak akan membantu anak menyedari kesilapan mereka dan membetulkannya.



Bahasa dosa yang kelapan ialah bahasa mengugut. Bahasa mengugut ini sering digunakan oleh ibu bapa tanpa disedari. Sebagai misalnya, "Kalau adik tidak kemas semua mainan ini, ibu akan buang semuanya dalam tong sampah", atau "Cepat pergi mandi atau ibu tinggalkan adik di rumah seorang diri". Dalam situasi ini ibu bapa tidak perlu mengugut anak untuk mengajar tentang akibat sesuatu perbuatan. Sebaliknya, ibu bapa perlu menetapkan peraturan di rumah berserta denda sekiranya anak mengingkari peraturan tersebut. Dalam hal ini, Ustaz Sharhan menyarankan ibu bapa supaya tegas, dan denda atau hukuman yang dikenakan berpatutan, iaitu tidak melampaui batas.

Yang kesembilan, bahasa menuduh. Bahasa menuduh biasanya lahir dalam keadaan spontan dalam beberapa situasi seperti anak keciciran barang. Dalam hal ini, ibu bapa secara spontan mungkin pernah mengatakan, "Bagaimana dompet kamu boleh hilang? Mesti kamu cuai sangat sehingga boleh tercicir." Dalam situasi ini ibu bapa perlu bertenang dan tidak perlu marah-marah. Sebaliknya, ibu bapa perlu cuba bertanya atau menyasat anak dengan cara yang baik. Anak harus diberikan peluang untuk menerangkan situasi yang sebenarnya. Tindakan begini memberikan peluang

kepada anak untuk yakin dan berani berterus terang tentang kesalahan yang dilakukan.

Yang terakhir ialah bahasa bisu. Ada antara ibu bapa yang mengambil sikap untuk mendiamkan diri sebagai tanda protes atau marah akan anak. Walaupun tiada kata yang berunsur menempelak, menyindir dan sebagainya, sikap begini tidak akan membantu anak menyedari kesilapan mereka dan membetulkannya. Sikap begini bahkan hanya akan membuatkan anak berasa tidak disayangi dan menjauhkan diri daripada ibu bapa.

Demikianlah 10 bahasa dosa dalam kalangan ibu bapa yang dipercayai menjadi punca terhadap pembentukan karakter dan jati diri yang lemah dalam kalangan anak, pelajar, atau remaja hingga memunculkan pelbagai masalah sosial pada hari ini. Penggunaan bahasa dosa ini jika dihubungkan dengan peranan keluarga dalam pembentukan personaliti individu, terdapat beberapa gaya keibubapaan yang turut menyumbang kepada pembentukan personaliti anak, pelajar dan remaja pada masa ini, iaitu gaya autoritarian, permisif dan autoritatif.

Menurut Azizi Yahya, gaya autoritarian menunjukkan sikap ibu bapa yang terlalu menekankan kepatuhan dan menggunakan paksaan untuk mengekang kebebasan anak bertindak, serta tidak menggalakkan tolak ansur dalam perbualan atau percakapan. Sikap ibu bapa yang begini akan melahirkan anak yang suka menyalahkan diri, penakut, mempamerkan sikap tidak berdikari, cepat marah, tidak asertif, angin tidak baik, menunjukkan sikap permusuhan dan cenderung untuk bergaduh. Sementara itu, gaya permisif pula merujuk sikap ibu bapa yang suka menurut kemahuan anak tanpa sekatan. Gaya seperti ini pula menjadikan anak cenderung memberontak apabila kemahuan mereka tidak dipenuhi, suka menurut nafsu, kurang kecekapan bersosial dan disisihkan rakan sebaya.

Walau bagaimanapun, gaya autoritatif Azizi menekankan sikap ibu bapa yang sentiasa mencari ruang untuk memandu aktiviti anak secara rasional, menggalakkan perbincangan dan menggunakan kawalan yang tegas, tetapi tidak terlalu keras. Ibu bapa yang menggunakan gaya autoritatif ini mengiktiraf keperluan dan minat anak, tetapi berlandaskan peraturan yang rasional. Elakkan menggunakan bahasa dosa seperti ini, sebaliknya gunakanlah bahasa yang bersantun dalam pertuturan harian. Ibu bapa jenis ini akan menghasilkan anak yang mampu berdikari, mengawal diri, berkeyakinan dan mampu bersosial dengan cara yang bijaksana. **PE**